

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 5 (18)

Tarikh : 7 Disember 2022

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/ Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 15/2022

PERMOHONAN PENGEMASKINIAN PROGRAM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana tuan/ puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) melalui Surat Makluman MQA Bil. 4/2018 bertarikh 8 Mac 2018 berkenaan Perubahan Maklumat Program, Surat Makluman MQA Bil. 5/2021 bertarikh 18 Mei 2021 berkenaan Penilaian Program Mod Penawaran Industri (2u2i) dan Dokumen Penilaian Kendiri dan Surat Makluman MQA Bil. 3/2022 bertarikh 17 Mac 2022 berkenaan Permohonan Pemindahan Perakuan Akreditasi Program Ke Premis Baharu adalah dirujuk.

3. Berdasarkan permohonan PPT berkaitan program seperti surat makluman sedia ada, PPT telah menggunakan permohonan dalam bentuk dokumen dan saluran komunikasi yang pelbagai sehingga menyukarkan pihak MQA untuk mengemas kini program ini dengan lebih efisien.

4. Sehubungan itu, MQA telah menambah baik proses permohonan perubahan maklumat program dengan melaksanakan permohonan perubahan maklumat program secara berpusat. Proses ini dikenali sebagai **Permohonan Pengemaskinian Program (PPP)**. PPP melibatkan proses pengemaskinian kurikulum dan pindaan butiran maklumat program yang telah diluluskan oleh MQA, pindaan/ penambahan kaedah penyampaian *Work-Based Learning* (WBL) dan Mod Industri (2u2i) serta pemindahan perakuan akreditasi ke premis baharu.

5. PPT boleh mengemukakan PPP dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran 1** yang boleh dimuat turun dari portal MQA. PPP hendaklah dikemukakan kepada MQA melalui e-mel kemaskini@mqa.gov.my. MQA hanya akan memproses PPP yang dikemukakan melalui saluran ini sahaja dan MQA tidak bertanggungjawab sekiranya PPP yang dikemukakan melalui saluran lain tidak diproses. Semua dokumen yang telah dikemukakan akan dimuat turun dan direkodkan. Sebarang perubahan yang dibuat selepas PPP dikemukakan tidak akan diambil kira dalam proses penilaian.

6. MQA akan mengeluarkan invois untuk bayaran caj berdasarkan kadar seperti di **Lampiran 2** setelah MQA menerima PPP. Kadar caj yang dinyatakan merupakan

kadar caj yang telah diguna pakai oleh MQA dalam memproses penilaian pindaan kurikulum dan kadar caj perkhidmatan berasaskan penilaian premis/ lokasi PPT bagi permohonan melibatkan pindaan/ penambahan kaedah penyampaian WBL dan Mod Industri (2u2i) serta pemindahan perakuan akreditasi ke premis baharu.

7. Pelaksanaan PPP melalui surat makluman ini berkuat kuasa mulai 01 Januari 2023. PPP tidak melibatkan perubahan yang dilaksanakan oleh PPT swaakreditasi, program badan profesional dan perubahan melibatkan Mata Pelajaran Umum (MPU). Bersama-sama ini disertakan Carta Alir Proses Permohonan Pengemaskinian Program seperti di **Lampiran 3** untuk rujukan tuan/ puan. PPT disarankan untuk merancang penghantaran PPP bagi memastikan proses perubahan maklumat program dilaksanakan secara efisien.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian PendidikanTinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri PendidikanTinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
7. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

8. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaya
Aras 9, Bangunan Canseleri
50603 W.P KUALA LUMPUR
9. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Aras 6, Bangunan Canseleri
43600 BANGI SELANGOR
10. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 W.P. KUALA LUMPUR
11. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar
International Medical University (IMU)
No. 126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
12. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN
13. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
14. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR

15. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH
16. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK

LAMPIRAN 1**BORANG PERMOHONAN**

Bil.	Borang	Catatan
1.	Borang M – Permohonan Pengemaskinian Program	Surat Makluman Bil. 15/2022 bertarikh 7 Disember 2022
2.	Penilaian Program Mod Penawaran Industri (2u2i) dan Dokumen Penilaian Kendiri.	Surat Makluman MQA Bil. 5/2021 bertarikh 18 Mei 2021
3.	Permohonan Pemindahan Perakuan Akreditasi Program Ke Premis Baharu.	Surat Makluman MQA Bil. 3/2022 bertarikh 17 Mac 2022

LAMPIRAN 2

KADAR CAJ

- i) Permohonan pengemaskinian kurikulum dan pindaan butiran maklumat program.

Bahagian	Kadar Caj	Kategori	Klasifikasi Permohonan Pengemaskinian Program
A	RM250.00	Pindaan Butiran Kelulusan	Tempoh pengajian (Tanpa melibatkan permohonan pindaan kurikulum)
			Kredit bergraduasi (Tanpa melibatkan permohonan pindaan kurikulum)
			Penamaan program yang melibatkan pindaan editorial atau pindaan nama program oleh francaisor
			Bahasa pengantar
			Kelayakan masuk
			Editorial <i>National Education Code</i> (NEC)
B	RM600.00	Penilaian Kurikulum	Pindaan kurikulum
			Penamaan program selain daripada pindaan editorial atau pindaan nama program oleh francaisor
			<i>Programme Educational Objectives</i> (PEO) & <i>Programme Learning Outcomes</i> (PLO)
			- Pernyataan
			- Pemetaan
			Kaedah pengajian
			- Sepenuh masa/ separuh masa
			Mod penawaran
			Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran

- ii) Permohonan pindaan/ penambahan kaedah penyampaian WBL dan Mod Industri (2u2i).

Kadar Caj	Kategori	Catatan
RM5,000.00	Perkhidmatan berasaskan penilaian premis/ lokasi PPT	- Kadar bagi setiap program

- iii) Permohonan pemindahan perakuan akreditasi ke premis baharu.


Kadar Caj	Kategori	Catatan
RM5,000.00	Perkhidmatan berasaskan penilaian premis/ lokasi PPT	- Kadar bagi setiap bidang. - Jumlah keseluruhan caj adalah berdasarkan kepada bilangan bidang program yang dimohon oleh PPT.

Maklumat terperinci berkenaan caj:

1. Sekiranya terdapat pelbagai klasifikasi dalam satu (1) PPP dari Bahagian A, kadar caj ditetapkan adalah RM250.00 sahaja. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat klasifikasi dari Bahagian B dalam permohonan tersebut, kadar caj ditetapkan adalah sebanyak RM600.00.
2. Sekiranya penilaian PPP memerlukan penilaian lebih dari seorang Ahli Panel Penilai (APP) contohnya program hibrid bidang, MQA akan mengenakan caj tambahan sebanyak RM350.00 bagi setiap tambahan APP.
3. MQA akan mengeluarkan invois berdasarkan kadar caj yang telah ditetapkan kepada PPT setelah menerima permohonan dari PPT.
4. PPP akan diproses setelah PPT membuat pembayaran kepada MQA.
5. PPP akan dibatalkan sekiranya PPT tidak membuat bayaran caj dalam tempoh yang ditetapkan dan invois yang telah dikeluarkan akan dibatalkan.
6. MQA berhak memohon sebarang tambahan caj bagi memproses PPP. Kaedah terimaan bayaran adalah menerusi JomPAY sahaja.
7. MQA tidak akan mengembalikan sebarang caj sekiranya PPT menarik balik PPP setelah bayaran dibuat kepada MQA. Bagi PPP yang tidak lengkap, PPT perlu mengemukakan maklumat tambahan dalam tempoh 14 hari. Kegagalan mengemukakan maklumat tambahan dalam tempoh 14 hari atau mengemukakan maklumat tambahan yang tidak lengkap akan menyebabkan permohonan ditamatkan proses tanpa pengembalian caj.

LAMPIRAN 3

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PENGEMASKINIAN PROGRAM



*Bagi PPP yang tidak lengkap, PPT perlu mengemukakan maklumat tambahan dalam tempoh 14 hari. Kegagalan mengemukakan maklumat tambahan dalam tempoh tersebut atau mengemukakan maklumat tambahan yang tidak lengkap akan menyebabkan permohonan ditamatkan proses dan caj tidak dikembalikan.